



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	8/11/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

'Dua kali banjir dalam seminggu'

GUA MUSANG - Seramai 41 penduduk daripada lapan keluarga di Kampung Tanah Putih di sini dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) selepas rumah mereka dinaiki air malam kelmarin.

Mangsa, Siti Nor Asmadiana Aziz, 22, berkata, air mula memasuki kawasan rumahnya pada jam 10.15 malam.

Menurutnya, banjir kilat itu bagaimanapun tidak seteruk banjir kilat Jumaat lalu sehingga air naik hampir satu meter.

"Hujan yang berlarutan amat merunsingkan dan enam hari selepas kejadian banjir kilat itu, kami diuji lagi.

"Saya dan keluarga mula berpindah ke PPS pada jam 12.45 tengah malam," katanya ketika ditemui di PPS Taman Etnobotani di sini semalam.

Seorang lagi mangsa, Norizan Awang, 48, berkata, dia sudah perit mengenangkan kejadian yang berlaku dua kali dalam tempoh kurang seminggu.



Norizan (dua dari kiri) bersama anak dan penduduk Kampung Tanah Putih yang dipindahkan ke PPS kelmarin.

"Kami semua mahu penempatan lain, saya sudah letih dengan situasi ini. Sampai bila kami perlu hadap kejadian seumpama ini lagi.

"Kesan banjir kilat Jumaat lalu masih belum pulih sepenuhnya, kami diuji lagi dengan kejadian yang sama," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Gua Musang,

Superintendan Mohd Taufik Maidin berkata, sebanyak lapan keluarga ditempatkan di PPS sejak malam kelmarin.

"Seramai 41 mangsa banjir melibatkan 19 dewasa, 16 kanak-kanak, empat bayi dan dua warga emas dipindahkan ke PPS Taman Etnobotani selepas kediaman mereka dinaiki air," katanya.